

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status keselamatan makanan Malaysia, keupayaan untuk menghadapi krisis makanan global dan langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan tanah untuk makanan selepas pengalaman krisis pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Status keselamatan makanan (*food security*) negara termasuk bekalan makanan asas (beras, sayur, ayam, telur, daging dan ikan) berada pada tahap stabil dan terkawal walaupun negara menghadapi wabak COVID-19. Bagi sesetengah makanan seperti ayam, telur dan ikan telah mencapai tahap sara diri (SSL) melebihi 90%. Selain itu, negara masih bergantung kepada import beberapa makanan seperti beras, sayur (seperti cili, kubis dan bawang) dan daging lembu bagi memenuhi keperluan dalam negara.

Bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan terjamin, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau bekalan makanan secara harian sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

SOALAN NO : 34

Informasi dalam negara yang diperoleh daripada agensi kerajaan, pemain industri dan usahawan tani serta informasi daripada atase pertanian di luar negara dipantau dan dianalisa secara berkala.

Selain itu, bagi memastikan konsistensi bekalan makanan yang diimport, beberapa langkah telah diambil seperti menggalakkan syarikat pengimport membuat kontrak jangka panjang dengan pembekal, mengenalpasti lebih banyak negara pembekal dan memudahcara prosedur import tanpa menjejaskan syarat-syarat sanitasi dan fitosanitasi (SPS).

Bagi meningkatkan keupayaan negara untuk menghadapi krisis makanan global dengan meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, langkah-langkah berikut diambil untuk meningkatkan penggunaan tanah untuk makanan selepas pengalaman krisis pandemik COVID-19:

- a) Mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian melalui Program Pembangunan Tanah Terbiar;
- b) Merencanakan aktiviti pengeluaran makanan melalui Program Kluster Tanaman Kontan, Program Tanam Semula Buah-buahan Terpilih dan Program Pembangunan Ladang Kontrak;
- c) Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang serta pengaliran dan saluran kawasan pertanian;
- d) Menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, pertanian tepat, *artificial intelligence* (AI), *big data* dan *internet of things* (IoT) bagi meningkatkan produktiviti; dan
- e) Melaksanakan model penyatuan tanah yang bersesuaian di kawasan sawah untuk penanaman padi secara berskala besar.

Langkah-langkah di atas akan dapat meningkatkan penggunaan tanah untuk makanan, produktiviti pengeluaran dan sekuriti makanan negara.

Sekian, terima kasih.